

Dokumen Diperlukan

1. Borang Pengeluaran KWSP 9KM (AHL) jika Penama / Waris Ahli / Penjaga atau Pentadbir atau Borang Pengeluaran KWSP 9KM (AHL) (PA) jika Pemegang Amanah
2. Borang Perakuan Tanggungjawab Penerima Wang Simpanan KWSP Ahli
3. Salinan Sijil Kematian Ahli
4. Salinan Kad Pengenalan Pemohon atau salinan dokumen pengenalan diri (jika bukan pemegang MyKad)
5. Maklumat Akaun Bank (pemohon digalakkan membawa buku akaun bank / penyata akaun bank / salinan akaun bank semasa membuat permohonan)

Dokumen Tambahan

1. Surat Kuasa (jika tiada penamaan) Surat Kuasa Mentadbir / Probet (Mahkamah Tinggi) **ATAU**
2. Perintah Pembahagian (Pejabat Tanah) **ATAU**
3. Sijil / Perintah Faraid (Mahkamah Syariah) **ATAU**
4. Surat Kuasa Amanah Raya Berhad (ARB)
5. Bukti Pertalian
6. Dokumen-dokumen lain yang ditetapkan oleh KWSP

Kaedah Bayaran

Bayaran Dalam Malaysia

1. Bayaran pengeluaran akan dikreditkan terus ke dalam akaun bank pemohon dengan syarat:
 - Pemohon mempunyai akaun bank yang aktif dengan bank panel KWSP yang dilantik
 - Nombor pengenalan diri pemohon adalah sama dengan rekod bank
 - Bayaran dibuat dalam matawang Ringgit Malaysia (RM)
 - Sekiranya bayaran tidak berjaya dikreditkan ke dalam akaun bank pemohon, bayaran akan dibuat melalui Cek Jurubank

Bayaran Luar Malaysia

2. Bayaran adalah melalui Draf Bank Asing. Jenis matawang adalah seperti berikut:
 - Matawang asing mengikut pilihan pemohon di dalam borang permohonan dengan syarat matawang tersebut ada disenaraikan oleh KWSP bagi tujuan bayaran secara Draf Bank Asing; **ATAU**
 - Dalam matawang US Dollar sekiranya matawang yang diopohon dalam borang permohonan tiada dalam senarai KWSP bagi tujuan bayaran secara Draf Bank Asing.
 - Pemohon perlu mengemukakan alamat di luar negara.

Nota Amaran

Membuat Kenyataan Tidak Betul Atau Tidak Benar Atau Mengemukakan Dokumen Palsu

Sekiranya pemohon memberi kenyataan yang tidak betul atau tidak benar atau mengemukakan dokumen palsu, pemohon dianggap telah melakukan kesalahan dan sekiranya disabitkan pemohon boleh dipenjarakan selama suatu tempoh yang tidak melebihi tiga tahun atau didenda tidak melebihi RM10,000 atau kedua-duanya [Seksyen 59, Akta KWSP 1991 (Pindaan) 2007].

Maklumat Terkini Mengenai Pengeluaran Kematian Boleh Didapati Di Laman Web Rasmi KWSP

Pengeluaran Kematian

Untuk Maklumat Lanjut, Sila Layari

www.kwsp.gov.my

atau Hubungi Pusat Pengurusan Perhubungan

03-89226000

Pengeluaran Penuh Akaun Ahli Oleh Penama / Wasi / Pentadbir Pusaka / Waris Terdekat Ahli Apabila Berlaku Kematian Ke Atas Ahli KWSP

Syarat Dan Kelayakan Memohon

- Pemohon wajib berumur 18 tahun
- Rujuk jadual di bawah bagi permohonan pengeluaran kematian akaun KWSP yang mempunyai PENAMAAN atau TANPA PENAMAAN:

PENAMAAN

1. Pemohon adalah penama akaun ahli
2. Sekiranya penama meninggal dunia

	Ahli Islam	Ahli Bukan Islam
Sebelum ahli	Waris terdekat boleh memohon dengan Surat Kuasa	Waris terdekat AHLI boleh memohon dengan Surat Kuasa
Selepas ahli	Sama seperti di atas	Waris terdekat PENAMA boleh memohon dengan Surat Kuasa

3. Pengeluaran diagih mengikut bahagian yang dinamakan

TANPA PENAMAAN

1. Waris terdekat ahli tertakluk kepada taraf perkahwinan ahli

Jika ahli TELAH berkahwin	Jika ahli BELUM berkahwin
Balu atau Duda ahli	Bapa atau Ibu ahli
Anak-anak	Adik-beradik ahli (Jika ibu bapa telah meninggal dunia)
Pentadbir Pusaka Ahli	Pentadbir Pusaka Ahli

Jika simpanan TIDAK melebihi RM 2,500

Bayaran kesemua simpanan ahli kepada waris

Jika simpanan KURANG daripada RM 25,000

Permohonan kurang dari 2 bulan dari tarikh mati	Permohonan lebih dari 2 bulan dari tarikh mati
Amaun RM2500 akan dibayar sebagai bayaran pertama dan baki semua simpanan ahli akan dibayar selepas tempoh 2 bulan dari tarikh kematian ahli	Bayaran kesemua simpanan ahli kepada waris

Jika simpanan MELEBIHI daripada RM 25,000

Permohonan kurang dari 2 bulan dari tarikh mati	Permohonan lebih dari 2 bulan dari tarikh mati
Amaun RM2500 akan dibayar sebagai bayaran pertama. Amaun RM22,500 akan dibayar sebagai bayaran kedua iaitu 2 bulan dari tarikh kematian ahli dan baki simpanan akan dibayar berdasarkan Surat Kuasa	Amaun RM25,000 akan dibayar kepada waris dan baki simpanan akan dibayar berdasarkan Surat Kuasa

Penamaan Mulai 2017

1. Bagi ahli beragama Islam, penamaan yang dibuat akan terhenti sekiranya penama tidak membuat permohonan pengeluaran dalam tempoh 1 tahun dari tarikh kematian ahli atau penama berumur kurang dari 18 tahun semasa permohonan pengeluaran dibuat

Kelayakan Memohon Bantuan Kematian

1. RM2500 boleh dipertimbangkan untuk dibayar kepada orang tanggungan yang layak (balu, duda, anak ahli ATAU ibu / bapa ahli)

2. Kelayakan Bantuan Kematian tertakluk kepada:
 - a. Warganegara Malaysia (termasuk Permastautin Tetap) ATAU bukan warganegara yang mendaftar sebagai ahli sebelum 1 Ogos 1998
 - b. Ahli mati sebelum mencapai umur 60 tahun
 - c. Permohonan diterima dalam tempoh 6 bulan dari tarikh kematian ahli
 - d. Bantuan diberi sekali sahaja
 - e. Ahli mempunyai baki simpanan semasa permohonan pengeluaran kematian dibuat
 - f. Keputusan kelulusan pemberian Bantuan Kematian adalah atas budibicara KWSP